



WARGA asing yang diperiksa dalam serbuan di sebuah pangsupuri di Pudu, malam kelmarin.

Metro Ahead 7/3/21 M/211

Imigresen tahan 205 warga asing di Pudu

Kuala Lumpur: Jabatan Imigresen (JIM) Kuala Lumpur menahan 205 warga asing dalam satu operasi di sebuah pangsupuri di Pudu malam kelmarin, kebanyakannya atas kesalahan tinggal lebih masa dan tiada dokumen perjalanan, atau dokumen peserjaan.

Pengarah Jabatan Imigresen Kuala Lumpur Hamidi Adam berkata, serbuan dilakukan pada pukul 11.30 malam ekoran

aduan penduduk setempat yang memaklumkan banyak unit kediaman di situ didiami warga asing dalam keadaan berseks-sesak.

Beliau berkata, serbuan disertai 92 anggota dan pegawai JIM Kuala Lumpur dengan kerjasama tujuh pegawai Jabatan Tenaga Kerja (JTK) dan 18 anggota dan pegawai penguatkuasa

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).
"Seramai 425 warga asing yang tinggal di pangsupuri berkenaan diperiksa dan daripada jumlah itu 203 lelaki dan dua wanita ditahan atas peilbagai

“
Seramai 425
warga asing tinggal
di pangsupuri
berkenaan
diperiksa
di Pudu
Hamidi

kesalahan, (antaranya) di bawah Seksyen 15(1)(c) dan Seksyen 6(1)(c) Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155); katanya pada pemberita ketika ditemui selepas operasi di Pangsupuri Isora di sini, tengah malam

semalam.

Menurutnya mereka yang ditahan berumur lingkungan 20 hingga 49 tahun, terdiri daripada warga Bangladesh, Indonesia, Myanmar serta Nepal, dengan ramai dalam kalangan mereka berkerja di tapak pembinaan itu.

Sementara itu, merujuk kepada aduan penduduk

pula, Hamidi berkata, siasatan mendapati kebanyakan pekerja asing itu tinggal dalam keadaan selesa dengan hanya dua atau tiga orang berkongsi satu bilik dan tidak berseks seperti dilaporkan.

Beliau berkata, semua yang ditahan kemudian dibawa ke JIM di Kompleks Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk tujuan dokumentasi lanjut.